

Perikatan Nasional Labuan akan jumpa Annuar Musa

LABUAN: Perikatan Nasional Labuan yang dianggotai Barisan Nasional (BN) dan PAS, akan mengadakan perjumpaan dengan Menteri Wilayah Persekutuan yang baharu Tan Sri Annuar Musa dalam waktu terdekat bagi membincangkan hala tuju ekonomi dan pembangunan Labuan.

Pengerusinya Senator Datuk Basfir Alias berkata pemimpin kanan dua parti itu bersetuju pada mesyuarat 9 Mac lepas berbhubung pihaknya mengadakan perjumpaan itu.

"Kami yakin dengan kepimpinan Tan Sri Annuar Musa dalam meneraihi Kementerian Wilayah Persekutuan bersandarkan pengalaman beliau dalam Kementerian I uar Bandar dan lain-lain dahulu.

"Namun beliau harus diberikan masa yang cukup untuk mengenali fungsi-fungsi dan peranan-peranan kementerianya, sebelum kami mengajukan sebarang isu berkaitan peruntukan pembangunan untuk Labuan," katanya dalam sidang akhbar bersama pemimpin PAS dan MCA Labuan di sini, semalam.

Yang Dipertua PAS Labuan Hamid Zabari berkata dengan pembentukan Kabinet baharu, diharapkan usaha pemulihan ekonomi diperhebatkan dan agenda kebajikan rakyat ditutamakan.

Ketua Bahagian MCA Labuan Datuk Chin Hon Yui berkata Perikatan Nasional Labuan telah menandatangani perjanjian perselamatan untuk bekerjasama sebagai satu pasukan dalam memperjuangkan aspek ekonomi dan perpaduan masyarakat.

Sementara itu, Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli yang juga Ketua Bahagian Parti Warisan Sabah (WARISAN) Labuan berkata beliau akan memberikan kerjasama kepada Annuar demi masa depan ekonomi dan pembangunan Labuan.

Projek pembangunan yang sedang dijalankan dan bakal dilaksanakan di pulau ini tidak harus terjejas dengan peralihan pentadbiran negara, katanya.

Ketua Menteri Sabah yang juga Presiden Warisan Datuk Seri Mohd Shafie Apdal pada 5 Mac berkata kerajaan negeri akan terus bekerjasama dengan kerajaan persekutuan demi kepentingan negeri dan rakyatnya.

Beliau berkata kerjasama dengan kerajaan persekutuan perlu untuk memastikan kebajikan rakyat Sabah dari segi kesihatan, pendidikan dan keselamatan terus terpelihara. — Bernama